

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

YMT 402 - Komunikasi Antarabangsa

Mac/April 1996

Masa: 3 jam

Jawab **TIGA** (3) soalan.

1. Nilaiakan pergerakan yang menyeru kepada order baru maklumat dan komunikasi antarabangsa, NWICO, yang didakwa oleh penyokongnya sebagai satu pergerakan rakyat jelata khususnya di Negara Dunia Ketiga.

(100 markah)
2. Bincangkan dakwaan Golding (1991) bahawa debat order baru maklumat dan komunikasi antarabangsa, NWICO, terus tertumpu kepada kebimbangan tentang ketidakseimbangan antara negara-negara "Utara" dan negara-negara "Selatan" sehingga mengabaikan kebimbangan umum tentang sifat dan kesamarataan order sosial dalam masyarakat.

(100 markah)
3. Bincangkan perubahan-perubahan yang berlaku dalam arena kewartawanan antarabangsa dari perspektif dinamik, sistem dan normatif. Jawapan anda mestilah menyatakan contoh-contoh khusus daripada beberapa kawasan dunia yang berbeza.

(100 markah)
4. Sejauh manakah periklanan antarabangsa dipengaruhi oleh doktrin globalisasi pasaran seperti yang diketengahkan oleh Theodore Levitt (1983)?

(100 markah)

...2/-

5. Nilaiikan kenyataan yang menyatakan bahawa cara terbaik bagi negara mundur untuk mencapai pembangunan adalah dengan meniru model pembangunan Barat serta mengimport teknologi baru komunikasi daripada mereka.

(100 markah)

6. Huraikan kesan-kesan penyiaran langsung menerusi satelit (direct broadcast satellite, DBS) dari sudut kuasa politik dan ekonomi, pasaran dan ideologi, dan mungkin peperangan dan keamanan. Bincangkan juga sejauh mana perundangan dan peraturan dapat mengatasi kesan sedemikian.

(100 markah)

-oooOooo-